



salam@uitm



ISO 9001:2000 No. Sijil KLR 0404089

Bil. 03 Julai - Sept 2017
<http://www.uitm.edu.my>

Buletin UiTM berwajah baharu !

UiTM *di hatiku*



Majlis Perasmian Fakulti Perubatan Kampus Teluk Intan



18 Julai 2017 telah berlangsung Majlis Perasmian Fakulti Perubatan Kampus Teluk Intan Universiti Teknologi MARA. Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan Sultan Nazrin Muizzudin Shah telah berkenan mencemar duli berangkat untuk menyempurnakan perasmian tersebut. Turut berangkat pada majlis tersebut ialah Duli Yang Teramat Mulia Raja Muda Perak Darul Ridzuan, Raja Jaafar ibni Almarhum Raja Muda Musa dan Duli Yang Amat Mulia Raja DiHilir Perak Darul Ridzuan, Raja Iskandar Dzurkanain. Menteri Besar Perak, YAB Dato' Seri Diraja Dr Zambry Abd. Kadir, Menteri Pendidikan Tinggi, YB Dato' Seri Idris Jusoh, Pro-pro Canselor UiTM, Pengerusi Ahli Lembaga Pengarah Universiti dan Pengurusan Tertinggi UiTM juga turut hadir menyaksikan majlis ini.

Fakulti Perubatan UiTM Kampus Teluk Intan mula dibina pada 21 Januari 2009 dan siap pada 31 Julai 2010. Ianya diserahkan kepada UiTM pada 1 November 2010. Kampus ini terletak dalam keluasan 10 ekar di Jalan Changkat Jong, bersebelahan dengan Hospital Teluk Intan. Kampus yang bercirikan futuristik ini mendapat perhatian daripada semua masyarakat dan memperoleh jolokan sebagai mercu tanda kedua di Teluk Intan selepas Menara Condong Teluk Intan. Kampus ini menempatkan sebuah blok akademik dan sebuah blok kediaman pelajar yang dilengkapi dengan pelbagai kemudahan pembelajaran.

Fakulti dan universiti berharap akan kewujudan Fakulti Perubatan Kampus Teluk Intan akan menjadi mercu utama dalam perkembangan kesihatan masyarakat di Teluk Intan khususnya dan bakal menjadi pusat kece merlangan yang boleh dibanggakan.





Konsep, Rekabentuk & Terbitan
Bahagian Canseleri Dan Komunikasi Korporat
Aras 2, Canseleri Tuanku Syed Sirajuddin
Universiti Teknologi MARA
40450 Shah Alam, Selangor